

15 JUL 2002

Mahathir-Syukur

PERDANA MENTERI SELAR PAS KERANA AJAR RAKYAT TIDAK BERTERIMA KASIH

ALOR SETAR, 15 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyelar PAS kerana mengajar rakyat supaya tidak berterima kasih dan bersyukur terhadap bantuan yang diterima.

Beliau yang juga Presiden UMNO berkata menjadi naluri manusia terutamanya orang Melayu, untuk berterima kasih terhadap budi yang diberikan oleh orang lain.

"Mereka yang sudah berjaya sudah tentu akan memberikan sedikit kepada yang lain tetapi ada yang tak kenang budi sehingga yang belajar sampai ke luar negeri," katanya ketika merasmikan majlis penyerahan sumbangan pendidikan dan kebajikan Bernas 2002 di Sekolah kebangsaan Sungai Baru di sini.

Dana yang dilancarkan oleh Dr Mahathir pada 2 Nov 1999 itu diwujudkan khusus oleh Bernas untuk membiayai pendidikan anak pesawah yang cemerlang dalam pelajaran.

Sejak dua tahun yang lepas, lebih 300 pelajar tingkatan satu sehingga tingkatan lima telah mendapat manfaat, dan 150 orang lagi pada tahun ini, dengan bantuan antara RM600 sehingga RM700.

Dr Mahathir berkata Pas memutarbelitkan fakta mengenai ajaran agama serta membuat fitnah yang dilarang oleh agama walaupun fitnah itu lebih bahaya daripada perbuatan membunuh.

"Mereka kata kononnya saya Firaun, Mahazalim tetapi saya nak tanya mereka adakah saya bunuh anak saya kerana pada zaman Firaun, semua anak lelaki yang lahir mesti dibunuh," katanya.

Beliau berkata Pas sebenarnya nak menang pilihan raya sehingga terpaksa berhempas-pulas nak dapatkan undi.

Katanya sejak awal lagi Pas cuba menakutkan orang Islam dengan mengatakan Umno bekerjasama dengan orang kafir.

Dr Mahathir berkata, pemimpin Pas dahulu adalah merupakan anggota Umno tetapi apabila merasakan mereka terpencil, mereka keluar daripada Umno dan seterusnya menubuhkan Pas.

"Inilah cara Pas, kita terima hakikat tak semua orang terima Umno, tapi janganlah bawa cerita kafirkan orang," katanya sambil menambah Pas sanggup bekerjasama dengan DAP walaupun menggelar kerjasama Umno dengan MCA dan MIC sebagai kafir.

-- BERNAMA

AT JM KHY NMO